



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

---

CETAKAN SEMULA

---

**Akta 147**

## **AKTA DOKTOR VETERINAR 1974**

*Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006*

DITERBITKAN OLEH  
PESURUHJAYA PENYEMAK UNDANG-UNDANG, MALAYSIA  
DI BAWAH KUASA AKTA PENYEMAKAN UNDANG-UNDANG 1968  
SECARA USAHA SAMA DENGAN  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BHD  
2006

**AKTA DOKTOR VETERINAR 1974**

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 30 Julai 1974

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... .. 29 Ogos 1974

*CETAKAN SEMULA YANG TERDAHULU*

*Cetakan Semula Yang Pertama* ... .. 1997

*Cetakan Semula Yang Kedua* ... .. 2001

# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

## Akta 147

### AKTA DOKTOR VETERINAR 1974

---

#### SUSUNAN SEKSYEN

---

##### BAHAGIAN I

##### PERMULAAN

##### Seksyen

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

##### BAHAGIAN II

##### MAJLIS VETERINAR MALAYSIA

3. Penubuhan dan keanggotaan Majlis
4. Kewajipan dan kuasa Majlis
5. Perlindungan Pihak Berkuasa Awam
6. Pekhidmat Awam
7. Jadual Pertama
8. Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan
9. Penyata

##### BAHAGIAN III

##### PENDAFTARAN DOKTOR VETERINAR: AMALAN PERUBATAN VETERINAR

10. Pendaftar
11. Daftar Doktor Veterinar Malaysia
12. Orang yang berhak didaftarkan sebagai doktor veterinar
13. Permit sementara untuk menjalankan amalan
14. Keterangan mengenai kelulusan hendaklah diberikan sebelum catatan dibuat dalam Daftar

## Seksyen

15. Permohonan untuk pendaftaran
16. Sekatan pendaftaran
17. Perakuan pengamalan tahunan
18. Penyiaran senarai doktor veterinar berdaftar yang kepadanya dikeluarkan perakuan pengamalan tahunan
19. Pemberitahuan pertukaran alamat tetap kediaman atau amalan
20. Kuasa Majlis membuat pengendorsan tertentu bersetentangan dengan nama dalam Daftar
21. Pendaftaran orang yang menjadi pesakit mental terhenti
22. Perubahan dalam Daftar
23. Keistimewaan doktor veterinar berdaftar dan halangan terhadap orang yang tidak berdaftar
24. Perakuan veterinar
25. Takrif
26. Pemameran perakuan pendaftaran dan perakuan pengamalan tahunan
27. Pengamal yang menjalankan amalan perubatan veterinar hendaklah memberikan butir-butir mengenai orang yang menjalankan amalan perubatan veterinar di tiap-tiap tempat amalan
28. Pemeriksaan premis yang digunakan bagi amalan perubatan veterinar

## BAHAGIAN IV

## TINDAKAN TATATERTIB

29. Bidang kuasa tatatertib Majlis
30. Hukuman tatatertib
31. Rayuan terhadap perintah atau keputusan Majlis

## BAHAGIAN V

## AM

32. Pendaftaran secara fraud
33. Kesalahan
34. Berselindung
35. Kesalahan doktor veterinar berdaftar yang memperihalkan berjaya secara palsu
36. Pendakwaan
37. Pengecualian
38. Penalti am

BAHAGIAN VI

PERATURAN-PERATURAN

Seksyen

39. Peraturan-peraturan
40. Pemansuhan

BAHAGIAN VII

PERUNTUKAN TAMBAHAN BAGI MAKSUD NEGARA

41. Maksud dan tempoh Bahagian ini berkuat kuasa
42. Notis kepada orang berdaftar supaya berkhidmat sebagai pegawai veterinar dalam perkhidmatan awam
43. Tempoh perkhidmatan menurut notis di bawah subseksyen 42(1)
44. Kuasa Menteri untuk memberikan pengurangan, pengecualian atau penangguhan tempoh perkhidmatan di bawah seksyen 43
45. Menteri boleh membuat kaedah-kaedah

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA



## UNDANG-UNDANG MALAYSIA

### Akta 147

#### AKTA DOKTOR VETERINAR 1974

Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pendaftaran dan amalan doktor veterinar dan bagi maksud negara untuk membuat peruntukan-peruntukan tertentu mengenai suatu tempoh perkhidmatan dalam perkhidmatan awam selepas pendaftaran; dan untuk membuat peruntukan bagi maksud yang berkaitan dengan perkara yang tersebut di atas.

[1 Jun 1975 (*kecuali Bahagian VII*), P.U. (B) 181/1975]

**MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN I

#### PERMULAAN

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Doktor Veterinar 1974 dan tertakluk kepada subseksyen (2) hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* tetapi tarikh itu tidak boleh lebih awal daripada tarikh pemberitahuan itu disiarkan dalam *Warta*.

(2) Menteri boleh menetapkan suatu tarikh yang berlainan untuk Bahagian VII mula berkuat kuasa dan tarikh itu tidak boleh lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan di bawah subseksyen (1).

#### **Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ahli” ertinya seseorang ahli Majlis Veterinar Malaysia;

“Daftar” ertinya Daftar Doktor Veterinar Malaysia yang dikehendaki disenggarakan di bawah seksyen 11;

“didaftarkan” atau “berdaftar” ertinya didaftarkan di bawah seksyen 12;

“doktor veterinar” ertinya seseorang yang memegang mana-mana kelulusan yang dinyatakan dalam Bahagian I dan Bahagian II Jadual Kedua;

“Ketua Pengarah” ertinya Ketua Pengarah Perkhidmatan Haiwan, Malaysia;

“Majlis” ertinya Majlis Veterinar Malaysia yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

“Menteri” ertinya Menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan hal veterinar;

“pengamalan perubatan veterinar” ertinya—

- (a) mendiagnosis, merawat, membetulkan, menukar, melegakan atau mencegah penyakit kecenangahan, kecacatan, kecederaan haiwan atau keadaan jasmani atau mental lain; termasuklah menentukan, memberikan atau menggunakan sesuatu dadah, ubat, biologik, alat, perkakas ubat bius atau benda atau teknik terapeutic atau diagnosa, dan penggunaan apa-apa tatacara manual atau mekanikal untuk pamanian beradas, untuk menguji sama ada bunting atau tidak, atau untuk mengubati kemandulan atau ketidaksuburan, atau untuk memberikan nasihat atau syor berkenaan dengan apa-apa yang disebut di atas, atau melakukan apa-apa perbuatan yang diiktiraf sebagai suatu tugas seorang doktor veterinar;
- (b) membuat representasi secara langsung atau secara tidak langsung, kepada orang awam atau kepada pihak persendirian, kebolehan dan kesanggupan untuk melakukan sesuatu perbuatan yang diperihalkan dalam perenggan (a) di atas;
- (c) menggunakan sesuatu gelaran, perkataan, kependekan atau huruf dengan cara atau dalam hal keadaan yang mungkin mendorong kepercayaan bahawa orang yang menggunakannya itu ialah seorang doktor veterinar;



“perakuan pengamalan tahunan” ertinya perakuan pengamalan tahunan yang disebut dalam seksyen 17;

“Pendaftar” ertinya Pendaftar Doktor Veterinar yang disebut dalam seksyen 10;

“perkhidmatan awam” mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan dan termasuklah perkhidmatan sesuatu pihak berkuasa tempatan atau perkhidmatan sesuatu pihak berkuasa berkanun yang menjalankan kuasa yang diletakhakkan padanya oleh undang-undang persekutuan atau undang-undang negeri;

“perubatan veterinar” termasuklah perubatan veterinar sematamata, pembedahan obsteriks, penternakan dan segala cawangan atau kepakaran perubatan veterinar yang lain;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Veterinar Malaysia yang dilantik di bawah subperenggan 1(1) Jadual Pertama.

## BAHAGIAN II

### MAJLIS VETERINAR MALAYSIA

#### **Penubuhan dan keanggotaan Majlis**

3. (1) Suatu pertubuhan perbadanan bernama Majlis Veterinar Malaysia yang kekal turun-temurun dengan ini ditubuhkan dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

(2) Menteri hendaklah melantik ahli Majlis yang terdiri daripada—

- (a) Ketua Pengarah;
- (b) Ketua Jabatan Haiwan Sabah atau seorang doktor veterinar dalam perkhidmatan awam yang dinamakan olehnya;
- (c) Ketua Jabatan Haiwan Sarawak atau seorang doktor veterinar dalam perkhidmatan awam yang dinamakan olehnya;
- (d) dua orang ahli yang dinamakan oleh doktor veterinar yang berdaftar dalam Bahagian I dalam Daftar daripada kalangan mereka;
- (e) dua orang ahli yang dinamakan oleh doktor veterinar yang berdaftar dalam Bahagian II dalam Daftar daripada kalangan mereka;

(f) seorang doktor veterinar daripada kalangan staf Fakulti Perubatan Veterinar dan Sains Haiwan, Universiti Putra Malaysia, yang dinamakan oleh Majlis Universiti itu; dan

(g) dua orang doktor veterinar yang dinamakan oleh Menteri.

(3) Tiada seorang pun boleh dinamakan dan dilantik sebagai seorang ahli di bawah perenggan (2)(d) hingga (g) melainkan jika orang itu seorang warganegara dan dia ialah seorang doktor veterinar berdaftar.

(4) Tiada seorang pun boleh berkhidmat sebagai seorang ahli dalam lebih daripada satu jawatan pada satu masa.

(5) Seseorang boleh dinamakan dan dilantik menjadi seorang ahli di bawah perenggan (2)(d) hingga (g) walaupun dahulunya dia telah menjadi seorang ahli di bawah mana-mana perenggan subseksyen (2).

(6) Ahli yang disebut dalam perenggan (2)(d) hingga (g) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun tetapi mereka boleh dilantik semula jika berkelayakan di bawah Akta ini.

(7) Seseorang yang menjadi ahli menurut peruntukan mana-mana daripada perenggan (2)(d) hingga (g) boleh meletakkan jawatannya pada bila-bila masa dengan mengutus surat kepada Yang Dipertua.

(8) Jika seseorang yang menjadi ahli menurut peruntukan mana-mana daripada perenggan (2)(d) hingga (g) mati sebelum tamat tempoh jawatannya, atau meletakkan jawatan, atau selainnya berhenti menjadi ahli oleh sebab sesuatu peruntukan Akta ini, seseorang hendaklah dinamakan dan dilantik sebagai gantinya mengikut peruntukan yang terpakai bagi orang yang mati atau meletakkan jawatan atau berhenti menjadi ahli itu bagi baki tempoh orang itu mungkin telah memegang jawatan itu jika dia tidak mati atau tidak meletakkan jawatan atau tidak berhenti menjadi ahli:

Dengan syarat bahawa apabila seseorang ahli yang dinamakan di bawah mana-mana perenggan (2)(d) hingga (g) mati atau meletakkan jawatan dalam tempoh dua belas bulan sebelum tamat tempoh jawatannya hendaklah tidak diisi kekosongan bagi baki tempoh jawatan itu.

(9) Jika mana-mana kumpulan doktor veterinar yang disebut dalam perenggan (2)(d) hingga (f) tidak menamakan seseorang menjadi ahli Majlis dalam tempoh tiga bulan dari tarikh jawatan itu menjadi kosong; Menteri hendaklah melantik sebagai gantinya seorang yang berkelayakan untuk dinamakan sedemikian dan seseorang yang dilantik sedemikian hendaklah disifatkan sebagai seorang ahli seolah-olah dia telah dinamakan dengan sepenuhnya oleh kumpulan doktor veterinar itu.

(10) Selepas sahaja Akta ini mula berkuat kuasa dan sehingga ahli yang tersebut dalam perenggan (2)(d) hingga (f) dinamakan dan dilantik, Menteri hendaklah melantik sebagai ganti mereka masing-masing mana-mana orang yang masing-masing berkelayakan untuk dinamakan dan dilantik sedemikian dan orang yang dilantik sedemikian hendaklah disifatkan sebagai ahli seolah-olah mereka telah dinamakan dan dilantik dengan sepenuhnya di bawah perenggan (d) hingga (f) yang tersebut.

(11) Seseorang doktor veterinar tidak berkelayakan untuk dinamakan dan dilantik sebagai ahli di bawah peruntukan mana-mana perenggan (2)(d) hingga (g)—

(a) jika dia telah didapati bersalah oleh mahkamah atas sesuatu kesalahan berkenaan dengan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak atau atas sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (hukuman pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun; atau

(b) jika dia seorang bankrap yang belum dilepaskan.

(12) Jika seseorang ahli yang telah dinamakan dan dilantik di bawah peruntukan mana-mana perenggan (2)(d) hingga (g) tidak lagi berkelayakan untuk dinamakan dan dilantik sedemikian oleh sebab sesuatu peruntukan Akta ini, dia hendaklah disifatkan telah mengosongkan kerusinya.

### **Kewajipan dan kuasa Majlis**

**4.** Majlis hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan dan fungsi dan menjalankan apa-apa kuasa sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya.

### **Perlindungan Pihak Berkuasa Awam**

5. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [*Akta 198*] hendaklah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau perbicaraan terhadap Majlis atau terhadap mana-mana ahli, pegawai, pekhidmat atau ejen Majlis mengenai apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifatnya itu.

### **Pekhidmat awam**

6. Semua ahli Majlis, semasa menjalankan kewajipan mereka sebagai ahli Majlis, hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan [*Akta 574*].

### **Jadual Pertama**

7. (1) Peruntukan Jadual Pertama hendaklah terpakai bagi Majlis dan prosidingnya.

(2) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Majlis, meminda Jadual Pertama dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

### **Kuasa Menteri untuk mengeluarkan arahan**

8. Menteri boleh, dari semasa ke semasa, mengeluarkan arahan am yang tidak berlawanan dengan peruntukan Akta ini dan Majlis hendaklah melaksanakan arahan itu.

### **Penyata**

9. Majlis hendaklah memberi Menteri semua penyata dan maklumat yang dikehendaki oleh Menteri dari semasa ke semasa berkenaan dengan aktiviti Majlis.

## **BAHAGIAN III**

### **PENDAFTARAN DOKTOR VETERINAR: AMALAN PERUBATAN VETERINAR**

### **Pendaftar**

10. Bagi maksud Akta ini hendaklah ada seorang Pendaftar Doktor Veterinar yang dilantik oleh Menteri.

## **Daftar Doktor Veterinar Malaysia**

**11.** (1) Pendaftar hendaklah menyebabkan supaya disenggarakan dalam bentuk yang ditetapkan suatu daftar doktor veterinar bernama Daftar Doktor Veterinar, Malaysia dan Daftar itu hendaklah mengandungi butir-butir yang ditetapkan.

(2) Pendaftar hendaklah bertanggungjawab bagi penyenggaraan dan penyimpanan Daftar itu mengikut peruntukan Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

(3) Daftar itu hendaklah disimpan dalam dua Bahagian seperti yang berikut:

(a) Bahagian I ialah berkenaan dengan orang yang memegang kelulusan yang dinyatakan dalam ruang ketiga dalam Bahagian I Jadual Kedua, yang diberikan oleh institusi yang dinyatakan berhubung dengan kelulusan itu dalam ruang kedua dalam Jadual itu; dan

(b) Bahagian II ialah berkenaan dengan orang yang memegang kelulusan yang dinyatakan dalam ruang ketiga dalam Bahagian II Jadual Kedua, yang diberikan oleh institusi yang dinyatakan berhubung dengan kelulusan itu dalam ruang kedua Jadual itu.

(4) Daftar itu hendaklah disifatkan sebagai suatu dokumen awam mengikut pengertian Akta Keterangan 1950 [*Akta 56*].

## **Orang yang berhak didaftarkan sebagai doktor veterinar**

**12.** (1) Seseorang yang memegang mana-mana kelulusan yang dinyatakan dalam ruang ketiga dalam Bahagian I dalam Jadual Kedua, yang diberikan oleh institusi yang dinyatakan berhubung dengan kelulusan itu dalam ruang kedua Jadual itu berhak didaftarkan dalam Bahagian I dalam Daftar atas permohonan yang dibuat kepada Pendaftar dalam bentuk yang ditetapkan dan seseorang yang memegang mana-mana kelulusan yang dinyatakan dalam ruang ketiga dalam Bahagian II Jadual itu, yang diberikan oleh institusi yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual itu berhak didaftarkan dalam Bahagian II dalam Daftar atas permohonan yang dibuat kepada Pendaftar dalam bentuk yang ditetapkan.

(2) Seseorang yang memegang mana-mana kelulusan yang dinyatakan dalam ruang ketiga dalam Bahagian I dan juga suatu

kelulusan yang dinyatakan dalam ruang ketiga dalam Bahagian II Jadual itu berhak didaftarkan dalam kedua-dua Bahagian Daftar itu dengan membayar apa-apa bayaran tambahan sebagaimana yang ditetapkan.

(3) Menteri boleh dari semasa ke semasa, selepas berunding dengan Majlis, menambah, memotong atau meminda Bahagian I dan Bahagian II Jadual Kedua dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

### **Permit sementara untuk menjalankan amalan**

**13.** (1) Walau apa pun peruntukan yang berlawanan yang terkandung dalam Akta ini, Majlis dengan kelulusan Menteri boleh, atas permohonan bertulis, mengeluarkan kepada seseorang doktor veterinar yang berdaftar di mana-mana jua di luar Malaysia suatu permit sementara untuk menjalankan amalan sebagai seorang doktor veterinar tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana yang dinyatakan oleh Majlis dalam permit itu selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan.

(2) Pemegang permit sementara untuk menjalankan amalan itu, dalam masa permit itu masih berkuat kuasa dan tertakluk kepada sekatan dan syarat yang dinyatakan dalam permit itu, disifatkan sebagai seorang doktor veterinar berdaftar.

(3) Majlis boleh pada bila-bila masa membatalkan sesuatu permit sementara untuk menjalankan amalan yang diberikan di bawah seksyen ini dan dengan pembatalan itu luput permit itu.

(4) Bagi maksud subseksyen (1), seseorang doktor veterinar termasuk seseorang yang memegang kelulusan dalam perubatan veterinar dari institusi selain yang dinyatakan dalam Bahagian I dan Bahagian II Jadual Kedua.

### **Keterangan mengenai kelulusan hendaklah diberikan sebelum catatan dibuat dalam Daftar**

**14.** (1) Tiada ijazah atau kelulusan boleh dicatatkan dalam Daftar, sama ada pada pendaftaran kali pertama atau sebagai tambahan kepada sesuatu nama berdaftar, melainkan jika Pendaftar berpuas hati mengikut apa-apa keterangan sebagaimana yang difikirkannya patut bahawa orang yang mengaku mempunyai ijazah atau kelulusan itu berhak kepadanya.

(2) Tiap-tiap orang yang didaftarkan di bawah Akta ini yang memperoleh sesuatu kelulusan veterinar, selain kelulusan yang membolehkan dia didaftarkan, boleh memohon kepada Majlis supaya meminda Daftar itu dipinda setakat yang berkaitan dengan kelulusan orang itu, dan atas permohonan itu Majlis hendaklah, jika berpuas hati bahawa pemohon itu berhak kepada kelulusan yang berkenaan dengannya permohonan itu dibuat dan bahawa kelulusan itu mempunyai taraf yang mencukupi untuk ia dicatatkan dalam Daftar, menyebabkan supaya Daftar itu dipinda dengan sewajarnya dengan memasukkan didalamnya butir-butir kelulusan itu.

(3) Majlis mempunyai kuasa untuk memutuskan apakah ijazah dan kelulusan tambahan yang boleh diterima untuk dicatatkan dalam Daftar.

### **Permohonan untuk pendaftaran**

**15.** Permohonan untuk didaftarkan di bawah Akta ini hendaklah dibuat mengikut apa-apa cara dan bentuk, dan hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen, gambar foto, butir-butir dan bayaran sebagaimana yang ditetapkan oleh Majlis, dan bukti mengenai pengenalan yang memuaskan hati Pendaftar hendaklah juga diberikan.

### **Sekatan pendaftaran**

**16.** (1) Jika seseorang yang memohon untuk didaftarkan telah—

- (a) didapati bersalah pada bila-bila masa atas sesuatu kesalahan berkenaan dengan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak atau atas sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama tempoh dua tahun atau lebih; atau
- (b) didapati oleh Majlis, selepas menjalankan penyiasatan yang sewajarnya, bersalah kerana berkelakuan buruk dari apa-apa jua segi profesion atau selainnya tidak mempunyai nama dan kelakuan baik,

Majlis boleh mengarahkan Pendaftar supaya tidak mencatatkan nama orang itu dalam Daftar.

(2) Pendaftar hendaklah dengan segera memberitahu dengan bertulis kepada orang yang berkenaan itu tentang arahan Majlis yang tidak membenarkan nama orang itu dicatatkan dalam Daftar.

(3) Dalam sesuatu penyiasatan yang dijalankan di bawah perenggan (1)(b), pemohon berhak hadir di hadapan Majlis dan didengar sendiri atau melalui peguam bela dan peguam caranya.

### **Perakuan pengalaman tahunan**

**17.** (1) Seseorang doktor veterinar berdaftar yang ingin mengamalkan perubatan veterinar selepas tiga puluh satu hari bulan Disember sesuatu tahun, hendaklah tidak lewat daripada satu hari bulan Disember tahun itu, membuat suatu permohonan dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah membayar bayaran yang ditetapkan untuk mendapatkan suatu perakuan bagi mengamalkan perubatan veterinar dalam tahun yang berikutnya.

(2) Apabila menerima permohonan dan bayaran itu, Majlis, jika berpuas hati bahawa premis di mana dan keadaan yang dalamnya pemohon menjalankan amalan atau bercadang hendak menjalankan amalan perubatan veterinar sesuai untuk menjalankan amalan itu, hendaklah mengarahkan Pendaftar supaya mengeluarkan suatu perakuan (bernama “perakuan pengamalan tahunan”) yang membenarkan pemohon menjalankan amalan perubatan veterinar di premis itu dalam tahun yang baginya perakuan itu dikeluarkan.

(3) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, perakuan pengamalan tahunan itu hendaklah berkuat kuasa sehingga tiga puluh satu hari bulan Disember dalam tahun yang baginya perakuan itu dikeluarkan.

(4) Seseorang doktor veterinar berdaftar yang tidak memohon perakuan pengamalan tahunan mengikut cara dan dalam tempoh yang ditetapkan dalam subseksyen (1), boleh, apabila membuat permohonan dalam borang dan menjelaskan bayaran tambahan sebagaimana yang ditetapkan, diberi perakuan pengamalan tahunan bagi tahun yang berikutnya, jika permohonan itu dibuat dalam bulan Disember dalam sesuatu tahun, atau bagi baki tahun itu, jika permohonan itu dibuat pada atau selepas satu hari bulan Januari dalam sesuatu tahun.

(5) Walau apa pun peruntukan terdahulu dalam seksyen ini, jika seseorang doktor veterinar berdaftar memohon perakuan pengamalan tahunan bagi kali pertama selepas memperoleh pendaftaran, permohonan itu hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dan boleh dibuat pada bila-bila masa dalam tahun itu, dan pemohon itu hendaklah, apabila menjelaskan bayaran yang ditetapkan, diberi perakuan pengamalan tahunan bagi baki tahun permohonan itu dibuat.



(6) Sesuatu perakuan pengamalan tahunan dan sesuatu permohonan untuk perakuan itu hendaklah menyatakan alamat tempat utama amalan dan semua tempat amalan yang lain bagi pemohon, dan apa-apa jua pertukaran tentang alamat itu hendaklah diberitahukan oleh pengamal kepada Pendaftar dan suatu catatan mengenai pertukaran itu dalam perakuan pengamalan tahunan diperoleh daripada Pendaftar dalam masa tiga puluh hari selepas pertukaran itu.

(7) Jika Majlis berpendapat dengan puas hati bahawa seseorang doktor veterinar berdaftar menjalankan amalan perubatan veterinar di sesuatu premis atau dalam sesuatu keadaan yang disifatkan oleh Majlis sebagai tidak sesuai untuk menjalankan amalan itu, Majlis boleh mengarahkan supaya perakuan pengamalan tahunan pengamal itu dibatalkan, dan dengan arahan itu, perakuan itu hendaklah terhenti berkuat kuasa dan tiada apa-apa perakuan pengamalan tahunan selanjutnya boleh dikeluarkan kepada pengamal itu sama ada bagi baki tahun itu atau bagi mana-mana tahun lain kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam subseksyen (8).

(8) Jika seseorang doktor veterinar yang perakuan pengamalan tahunannya telah dibatalkan di bawah subseksyen (7) dan dia membuat permohonan mengikut cara yang ditetapkan dan menjelaskan bayaran yang ditetapkan, Majlis boleh, selepas menimbang hal perkara itu, mengarahkan supaya suatu perakuan pengamalan tahunan dikeluarkan kepada doktor veterinar itu.

(9) Seseorang doktor veterinar berdaftar yang menjalankan amalan perubatan veterinar dan yang—

- (a) tiada mempunyai perakuan pengamalan tahunan yang berkuat kuasa bagi dirinya;
- (b) berkongsi dengan seseorang doktor veterinar berdaftar yang tidak mempunyai perakuan itu;
- (c) ada bekerja dengannya seorang doktor veterinar berdaftar yang tidak mempunyai perakuan itu; atau
- (d) diambil kerja untuk menjalankan urusan seorang doktor veterinar bagi pihak seseorang yang tidak mempunyai perakuan itu,

melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dan dia tidak berhak menuntut apa-apa bayaran, upah, perbelanjaan atau kos yang dilakukan semasa dia atau mana-mana orang lain sebagaimana yang disebut terdahulu tidak mempunyai perakuan pengamalan tahunan.

**Penyiaran senarai doktor veterinar berdaftar yang kepadanya dikeluarkan perakuan pengamalan tahunan**

**18.** (1) Pendaftar hendaklah dengan seberapa segera yang boleh selepas satu hari bulan Januari tiap-tiap tahun menyediakan dan menyiarkan dalam *Warta* suatu atau beberapa senarai yang mengandungi nama, alamat, kelulusan, tarikh kelulusan dan tarikh pendaftaran semua doktor veterinar yang kepadanya perakuan pengamalan tahunan telah dikeluarkan bagi tahun itu dan mana-mana senarai itu boleh dipinda pada bila-bila masa dalam tahun itu.

(2) Penyiaran senarai itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai butir-butir yang terkandung di dalamnya.

(3) Jika nama seseorang tidak ada dalam senarai itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* bahawa orang itu telah tidak dikeluarkan perakuan pengamalan tahunan kepadanya dan tidak dibenarkan menjalankan amalan sebagai orang berdaftar.

(4) Perakuan yang ditandatangani oleh Pendaftar mengenai butir-butir yang terdapat dalam Daftar berkenaan dengan seseorang menjadi keterangan muktamad mengenai butir-butir itu.

**Pemberitahuan pertukaran alamat tetap kediaman atau amalan**

**19.** Tiap-tiap doktor veterinar berdaftar hendaklah memberitahukan apa-apa jua pertukaran tentang alamat tetap kediaman atau amalannya kepada Pendaftar dalam masa tiga puluh hari selepas pertukaran itu.

**Kuasa Majlis untuk membuat pengendorsan tertentu bersetentangan dengan nama dalam Daftar**

**20.** Jika Majlis berpuas hati bahawa seseorang yang namanya terdapat dalam Daftar telah mati atau tidak lagi menjalankan amalan perubatan veterinar didalam Malaysia Majlis hendaklah membuat suatu pengendorsan yang sewajarnya bersetentangan dengan namanya dalam Daftar.

**Pendaftaran orang yang menjadi pesakit mental terhenti**

**21.** (1) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa seseorang doktor veterinar yang didaftarkan di bawah Akta ini dimasukkan ke atau

ditahan di hospital mental di bawah peruntukan mana-mana undang-undang doktor veterinar itu hendaklah dengan itu disifatkan telah terhenti didaftarkan sedemikian, dan suatu pengendorsan hendaklah dibuat dengan sewajarnya bersejajaran dengan namanya dalam Daftar.

(2) Seseorang doktor veterinar yang terhenti didaftarkan di bawah Akta ini menurut subseksyen (1) tidak boleh didaftarkan lagi melainkan jika dia memuaskan hati Majlis bahawa keadaan mentalnya membenarkan dia didaftarkan lagi.

### **Perubahan dalam Daftar**

**22.** (1) Pendaftar hendaklah, dari semasa ke semasa, memasukkan ke dalam Daftar—

- (a) apa-apa jua perubahan yang mungkin diketahui olehnya tentang nama atau alamat seseorang yang didaftarkan di bawah Akta ini;
- (b) apa-apa perubahan tentang kelulusan, kelulusan tambahan dan butir-butir lain sebagaimana yang dikehendaki diubah di bawah Akta ini.

(2) Pendaftar hendaklah, dari semasa ke semasa memotong daripada Daftar nama sesiapa jua yang dikehendaki dipotong di bawah Akta ini.

### **Keistimewaan doktor veterinar berdaftar dan halangan terhadap orang yang tidak berdaftar**

**23.** (1) Tiap-tiap doktor veterinar yang didaftarkan dan yang memegang perakuan pengamalan tahunan yang sah berhak, mengikut kelulusannya, menjalankan amalan perubatan veterinar mengikut peruntukan Akta ini dan menuntut dalam perjalanan biasa undang-undang caj yang munasabah kerana bantuan, nasihat, lawatan, pembedahan atau layanan profesional dan nilai apa-apa perkakas yang diberikan atau dibuat atau dibekalkan olehnya kepada pesakitnya.

(2) Tertakluk kepada seksyen 13, tiada seorangpun berhak menuntut dalam mana-mana mahkamah apa-apa caj yang disebut dalam subseksyen (1) melainkan jika pada tarikh bayaran itu terakru dia ialah seorang doktor veterinar berdaftar dan mempunyai perakuan pengamalan tahunan yang berkuat kuasa.

**Perakuan veterinar**

24. Tiada perakuan atau dokumen lain yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis atau selainnya supaya ditandatangani oleh seorang doktor veterinar yang berkelulusan dengan sewajarnya yang diberikan selepas Akta ini mula berkuat kuasa boleh menjadi sah melainkan jika ditandatangani oleh seorang doktor veterinar berdaftar.

**Takrif**

25. Perkataan “doktor veterinar yang berkelulusan di sisi undang-undang” atau “doktor veterinar yang berkelulusan dengan sewajarnya” atau apa-apa perkataan yang bererti seseorang diiktiraf di sisi undang-undang sebagai seorang doktor veterinar yang berkelulusan hendaklah ditafsirkan sebagai bererti seorang doktor veterinar berdaftar, apabila digunakan dalam mana-mana undang-undang bertulis berkenaan dengan orang itu.

**Pemameran perakuan pendaftaran dan perakuan pengamalan tahunan**

26. (1) Tiap-tiap doktor veterinar berdaftar hendaklah menyebabkan supaya dipamerkan di suatu tempat yang mudah dilihat di mana-mana premis tempat dia menjalankan amalan perubatan veterinar, kecuali sebagai seorang pegawai dalam perkhidmatan awam, perakuan pengamalan tahunan semasa yang dikeluarkan kepadanya.

(2) Jika seseorang doktor veterinar berdaftar menjalankan amalan veterinar sebagaimana yang disebut di dua alamat atau lebih, dia hendaklah menyebabkan supaya perakuan pengamalan tahunan semasa asalnya dipamerkan sebagaimana yang disebut terdahulu di premis di tempat amalan utamanya dan suatu salinan yang diperakui bagi setiap perakuan tersebut di premis di tiap-tiap tempat amalan yang lain itu, salinan yang diperakui itu hendaklah diperolehnya bagi maksud itu daripada Pendaftar dengan membuat permohonan bertulis mengikut cara yang ditetapkan dan dengan membayar bayaran yang ditetapkan baginya.

(3) Jika seseorang doktor veterinar berdaftar melanggar atau tidak mematuhi subseksyen (1) atau (2) dia melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(4) Sesiapa yang menunjukkan, atau membenarkan ditunjukkan di mana-mana premis sesuatu perakuan pengamalan tahunan atau sesuatu salinan yang diperakui bagi mana-mana satu perakuan itu yang mengandungi namanya pada bila-bila masa apabila namanya tidak terdapat didalam Daftar atau manakala dia tidak memegang sesuatu perakuan pengamalan tahunan yang sah, mengikut mana-mana yang berkenaan, melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

**Pengamal yang menjalankan amalan perubatan veterinar hendaklah memberikan butir-butir mengenai orang yang menjalankan amalan perubatan veterinar di setiap tempat amalan**

27. Seseorang doktor veterinar berdaftar yang menjalankan amalan perubatan veterinar hendaklah memberi Pendaftar, nama, alamat, kelulusan dan butir-butir mengenai perakuan atau pendaftaran dan butir-butir mengenai perakuan pengamalan tahunan semasa dan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang ditetapkan berkenaan dengan orang yang menjalankan amalan perubatan veterinar di tempat dia menjalankan amalannya, dan jika dia tidak berbuat demikian dia melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

**Pemeriksaan premis yang digunakan bagi veterinar**

28. (1) Adalah sah bagi—

- (a) Ketua Pengarah;
- (b) pegawai yang bertanggungjawab bagi pentadbiran Perkhidmatan Haiwan dalam sesuatu Negeri; atau
- (c) mana-mana pihak berkuasa yang diluluskan oleh Menteri bagi maksud seksyen ini,

melantik pemeriksa bagi maksud Akta ini dan memberi kuasa kepada pemeriksa itu, dengan bertulis—

- (i) untuk memasuki dan memeriksa pada bila-bila masa mana-mana premis yang digunakan atau dicadangkan untuk digunakan atau yang berkenaan dengannya ada sebab yang munasabah bagi mempercayai bahawa ia sedang digunakan untuk menjalankan amalan perubatan veterinar; dan

- (ii) untuk menyiasat dan membuat kepada orang atau pihak berkuasa yang telah melantik mereka mengenai keadaan yang dalamnya laporan amalan perubatan veterinar sedang atau dicadangkan hendak dijalankan.

(2) Seseorang pemeriksa yang dilantik itu hendaklah semasa memasuki atau memeriksa mana-mana premis menunjukkan surat kuasa bertulis yang diberikan di bawah subseksyen (1).

(3) Laporan yang dibuat oleh seseorang pemeriksa di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat dalam borang yang ditetapkan dan hendaklah menjadi kewajipan pihak berkuasa yang telah melantik pemeriksa itu menghantar laporan itu kepada Majlis tidak lewat daripada empat belas hari selepas tarikh pemeriksaan itu.

#### BAHAGIAN IV

#### PROSIDING TATATERTIB

#### **Bidang kuasa tatatertib Majlis**

**29.** (1) Majlis hendaklah mempunyai bidang kuasa tatatertib ke atas semua doktor veterinar yang didaftarkan di bawah Akta ini.

(2) Majlis boleh menjalankan bidang kuasa tatatertib ke atas seseorang doktor veterinar berdaftar yang—

- (a) telah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana tempat lain atas sesuatu kesalahan yang boleh hukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda);
- (b) telah bersalah kerana berkelakuan buruk dari apa-apa jua segi profesion;
- (c) telah mendapatkan pendaftaran dengan jalan fraud atau salah nyata;
- (d) tidak berhak didaftarkan pada masa dia didaftarkan; atau
- (e) namanya telah dikeluarkan daripada sesuatu daftar doktor veterinar yang disenggarakan di mana-mana tempat di luar Malaysia.

**Hukuman tatatertib**

**30.** (1) Pada menjalankan bidang kuasa tatatertibnya, Majlis boleh mengenakan mana-mana daripada hukuman yang berikut:

- (a) memerintahkan supaya nama doktor veterinar berdaftar itu dipotong daripada Daftar;
- (b) memerintahkan supaya nama doktor veterinar berdaftar itu digantung daripada Daftar selama sesuatu tempoh yang difikirkannya patut;
- (c) memerintahkan supaya doktor veterinar berdaftar itu dicela; atau
- (d) membuat sesuatu perintah sebagaimana yang disebut terdahulu tetapi menggantung pelaksanaannya, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis, bagi sesuatu atau beberapa tempoh yang kesemuanya berjumlah tidak lebih daripada dua tahun,

dan boleh, dalam sesuatu hal, membuat apa-apa perintah yang difikirkan patut oleh Majlis berkenaan dengan pembayaran kos Pendaftar dan kos seseorang pengadu atau kos doktor veterinar berdaftar itu, dan apa-apa kos yang diawardkan boleh dituntut sebagai hutang sivil.

(2) Jika nama seseorang doktor veterinar berdaftar diperintahkan oleh Majlis supaya dipotong atau digantung daripada Daftar, orang itu hendaklah dalam masa lima hari selepas perintah itu dibuat menyerahkan kepada Pendaftar perakuan pengamalan tahunan semasanya termasuk sesuatu perakuan pengamalan tahunan yang baharu yang mungkin telah diperolehnya daripada Pendaftar dan juga perakuan pendaftarannya:

Dengan syarat bahawa jika doktor veterinar itu atau peguam bela dan peguam caranya tidak hadir di hadapan Majlis pada masa perintah itu dibuat, Pendaftar hendaklah memberikan notis kepada doktor veterinar itu dengan bertulis, mengenai perintah yang dibuat oleh Majlis itu dan menghendaki dalam notis itu supaya doktor veterinar itu menyerahkan kepadanya perakuan pendaftarannya dan perakuan pengamalan tahunan semasanya termasuk sesuatu perakuan pengamalan tahunan yang baharu yang mungkin telah diperolehnya daripada Pendaftar dalam masa tujuh hari selepas notis itu diserahkan di alamat berdaftarnya, atau di alamatnya yang

akhir diketahui jika alamat itu berbeza daripada alamat berdaftaranya dan jika pada pendapat Pendaftar penyampaian secara itu akan lebih berkesan.

(3) Jika doktor veterinar berdaftar itu tidak menyerahkan perakuan pengamalan semasanya termasuk sesuatu perakuan pengamalan tahunan yang baharu yang mungkin telah diperolehnya daripada Pendaftar dan juga perakuan pendaftarannya dalam masa yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) dia melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(4) Pendaftar hendaklah menyiarkan dalam *Warta* nama orang yang dikeluarkan daripada Daftar atau digantung daripada menjalankan amalan di bawah peruntukan seksyen ini sama ada—

(a) apabila tamat tempoh satu bulan yang ditetapkan dalam seksyen 31, jika orang itu tidak membuat rayuan terhadap keputusan Majlis itu; atau

(b) sebaik selepas keputusan dibuat oleh Mahkamah Tinggi yang menyokong keputusan Majlis itu, jika doktor veterinar itu membuat rayuan terhadap keputusan Majlis itu,

mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Tiada seorangpun yang namanya telah dikeluarkan daripada Daftar di bawah peruntukan seksyen ini berhak kemudiannya memohon supaya didaftarkan di bawah peruntukan Akta ini, tetapi Majlis boleh, jika difikirkannya patut dalam sesuatu hal, atas permohonan orang yang berkenaan itu memerintahkan supaya nama orang itu dimasukkan semula ke dalam Daftar; dan jika nama orang itu telah digantung daripada Daftar selama tempoh yang terhad sahaja, orang itu berhak selepas tamat tempoh itu, tetapi tidak terdahulu daripada itu, memohon supaya perakuan pendaftaran dan perakuan pengamalan tahunan (jika tempoh yang baginya ia dikeluarkan masih belum tamat) dikembalikan kepadanya.

(6) Sesuatu permohonan di bawah subseksyen (5) hendaklah dibuat mengikut cara atau bentuk dan disertakan dengan apa-apa dokumen, gambar foto, butir-butir dan bayaran sebagaimana yang ditetapkan.



**Rayuan terhadap perintah atau keputusan Majlis**

**31.** (1) Seseorang doktor veterinar yang terkilan dengan sesuatu perintah yang dibuat berkenaan dengannya oleh Majlis pada menjalankan bidang kuasa tatatertibnya atau dengan sesuatu keputusan Majlis dalam prosiding yang berhubungan dengannya di bawah subseksyen 16(1) atau subseksyen 30(1) atau dengan pengeluaran namanya daripada Daftar di bawah mana-mana daripada peruntukan Akta ini kecuali Bahagian VII atau dengan apa-apa keengganan atau kegagalan Majlis mendaftarkan atau memasukkan semula namanya ke dalam Daftar (melainkan jika pengeluaran, keengganan atau kegagalan itu disebabkan oleh kegagalan orang itu mendapatkan sesuatu perakuan pengamalan atau disebabkan oleh pembatalan perakuan itu) boleh merayu kepada Mahkamah Tinggi, dan Mahkamah Tinggi boleh dengan itu mengesahkan, mengakaskan atau mengubah perintah atau keputusan yang dirayu itu atau boleh memberikan apa-apa arahan yang difikirkannya wajar dalam perkara itu; kos bagi rayuan itu terpulang kepada budi bicara Mahkamah Tinggi.

(2) Keputusan Mahkamah Tinggi atas rayuan itu muktamad.

(3) Tatacara yang berhubungan dengan sesuatu rayuan itu hendaklah tertakluk kepada kaedah-kaedah mahkamah yang terpakai di Mahkamah Tinggi:

Dengan syarat bahawa Mahkamah Tinggi tidak mempunyai kuasa untuk mendengar rayuan terhadap sesuatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 30 melainkan notis mengenai rayuan itu diberikan dalam masa satu bulan dari tarikh perintah itu dibuat atau, jika proviso kepada subseksyen 30(2) terpakai, dalam masa satu bulan selepas perintah itu disampaikan sebagaimana yang dinyatakan dalam proviso itu.

(4) Seseorang yang terkilan dengan keengganan Majlis untuk mengeluarkan kepada orang itu suatu perakuan pengamalan tahunan atau dengan pembatalan perakuan pengamalan tahunannya boleh merayu kepada Menteri dan keputusan Menteri muktamad, dan tiada apa-apa tindakan atau prosiding boleh dikekalkan dalam mana-mana mahkamah undang-undang berkenaan dengan keengganan atau pembatalan itu.

## BAHAGIAN V

## AM

**Pendaftaran secara fraud**

**32.** Tiap-tiap orang yang mendapatkan atau cuba mendapatkan dengan cara fraud supaya dirinya atau mana-mana orang lain didaftarkan dengan membuat atau mengemukakan, atau menyebabkan dibuat atau dikemukakan, sesuatu pernyataan atau akuan palsu atau fraud, sama ada secara lisan atau bertulis, melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

**Kesalahan**

**33.** (1) Seseorang yang tidak didaftarkan atau tidak dikecualikan daripada pendaftaran di bawah Akta ini yang—

- (a) bersengaja dan secara palsu berpura-pura sebagai didaftarkan di bawah Akta ini atau sebagai berkelulusan untuk menjalankan amalan perubatan veterinar;
- (b) bersengaja dan secara palsu memakai atau menggunakan nama atau gelaran veterinar, pengamal veterinar, doktor veterinar, doktor perubatan veterinar, sarjana muda sains veterinar atau sarjana muda doktor veterinar;
- (c) bersengaja dan secara palsu memakai atau menggunakan sesuatu nama, gelaran, tambahan atau perihalan yang memberi faham bahawa dia didaftarkan di bawah Akta ini, atau bahawa dia diiktiraf oleh undang-undang sebagai seorang doktor veterinar atau bahawa dia berkelulusan untuk mengubat atau merawat penyakit haiwan sama ada dengan perubatan veterinar atau dengan apa-apa cara lain daripada apa-apa jua jenis atau perihalan;
- (d) bersengaja dan secara palsu memakai atau menggunakan sesuatu nama, gelaran, tambahan atau perihalan, atau menggunakan sesuatu alat, yang dimaksudkan untuk mendorong seseorang mempercayai bahawa dia berkelulusan untuk menjalankan amalan perubatan veterinar;
- (e) menjalankan amalan perubatan veterinar;
- (f) menggunakan perkataan “klinik veterinar” atau “dispensari veterinar” atau “hospital veterinar” atau sesuatu perkataan

yang bersamaan dengan perkataan ini dalam apa-apa bahasa lain pada papan tanda di tempat amalannya dengan berupa sebagai menjalankan amalan perubatan veterinar sebagai seorang yang didaftarkan di bawah Akta ini; atau

- (g) menggunakan sesuatu simbol yang direka bentuk oleh Majlis untuk kegunaan doktor veterinar berdaftar sahaja,

melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(2) Bagi maksud subseksyen (1)—

- (a) pemakaian atau penggunaan oleh seseorang perkataan “veterinar” atau “pengamal veterinar” atau “doktor veterinar” atau “doktor perubatan veterinar” atau “sarjana muda sains veterinar” atau “sarjana muda doktor veterinar” atau “klinik veterinar” atau “dispensari veterinar” atau “hospital veterinar” atau sesuatu perkataan yang bersamaan dengan perkataan itu dalam apa-apa bahasa lain berhubung dengan amalan perubatan veterinar hendaklah disifatkan, sebagai pemakaian atau penggunaan sesuatu nama, gelaran, tambahan atau perihalan yang dimaksudkan untuk mendorong seseorang mempercayai bahawa dia berkelulusan untuk menjalankan amalan perubatan veterinar melainkan jika dibuktikan sebaliknya;
- (b) penggunaan oleh seseorang dalam menjalankan amalan perubatan veterinar apa-apa alat atau bahan yang digunakan khusus oleh orang yang berkelulusan untuk menjalankan amalan perubatan veterinar hendaklah disifatkan, sebagai penggunaan sesuatu alat yang dimaksudkan untuk mendorong seseorang mempercayai bahawa dia berkelulusan untuk menjalankan amalan perubatan veterinar melainkan jika dibuktikan sebaliknya; dan
- (c) jika seseorang, selain seorang doktor veterinar berdaftar atau seorang peniaga perkakas dan alat veterinar, ada dalam miliknya mana-mana satu atau lebih daripada alat dan perkakas yang biasanya digunakan dalam amalan perubatan veterinar, dia hendaklah disifatkan, sebagai bersengaja dan secara palsu berpura-pura sebagai didaftarkan di bawah Akta ini dan sebagai berkelulusan untuk menjalankan amalan perubatan veterinar melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

**Berselindung**

**34.** (1) Seseorang doktor veterinar berdaftar yang membenarkan seseorang tidak berdaftar menjalankan amalan perubatan veterinar di premis yang digunakan oleh atau di bawah kawalan doktor veterinar berdaftar itu dalam menjalankan tugas profesionalnya melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(2) Seseorang doktor veterinar berdaftar yang dengan kehadirannya, sokongan, nasihatnya, pertolongannya, atau kerjasamanya telah dengan diketahuinya membolehkan seseorang yang tidak berdaftar, sama ada dikatakan sebagai seorang pembantu atau selainnya, menjalankan amalan perubatan veterinar melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(3) Seseorang doktor veterinar berdaftar yang menjalankan amalan perubatan veterinar di premis yang di dalamnya seseorang tidak berdaftar menjalankan amalan perubatan veterinar yang diketahui oleh doktor veterinar berdaftar itu melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(4) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh berkuat kuasa melarang seseorang dalam perkhidmatan awam yang diambil bekerja bagi maksud menjalankan amalan perubatan veterinar daripada menjalankan tatacara yang termasuk dalam pengertian menjalankan amalan perubatan veterinar jika tatacara itu dijalankan dalam masa orang itu bekerja dan di bawah penyeliaan seorang doktor veterinar dalam perkhidmatan awam.

**Kesalahan doktor veterinar berdaftar yang memperihalkan kerjaya secara palsu**

**35.** Seseorang doktor veterinar berdaftar yang bersengaja atau secara palsu berpura-pura sebagai seorang atau bersengaja memakai atau menggunakan apa-apa nama atau gelaran atau perihalan yang dengan sendirinya atau dalam keadaan perkataan itu digunakan memberi faham bahawa doktor veterinar berdaftar itu mempunyai atau memegang sesuatu kelulusan untuk menjalankan amalan selain kelulusan yang sebenar dipunyai atau dipegang olehnya melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

**Pendakwaan**

**36.** (1) Pendakwaan bagi sesuatu kesalahan terhadap Akta ini boleh dimulakan oleh—

(a) Yang Dipertua atau seseorang pegawai yang dilantik olehnya atau oleh Majlis bagi maksud itu dengan bertulis;

- (b) pegawai yang bertanggungjawab bagi pentadbiran perkhidmatan veterinar dalam sesuatu Negeri atau seseorang pegawai yang dilantik olehnya bagi maksud itu dengan bertulis; atau
- (c) pihak berkuasa yang disebut dalam perenggan 28(1)(c) atau seseorang pegawai yang dinamakan oleh pihak berkuasa itu bagi maksud itu dengan bertulis.

(2) Berkenaan dengan sesuatu kesalahan terhadap seksyen 33, mana-mana pegawai polis boleh menangkap tanpa waran sesiapa jua yang, sebagai seorang yang bukan doktor veterinar berdaftar, menjalankan amalan atau dipercayai menjalankan amalan perubatan veterinar di mana-mana jalan atau tempat awam.

### **Pengecualian**

**37.** Tiada apa-apa jua dalam Akta ini boleh berkuat kuasa melarang—

- (a) pelatihan pelajar veterinar dalam amalan perubatan veterinar di bawah penyeliaan seorang doktor veterinar berdaftar di sesuatu hospital veterinar, klinik veterinar, atau sekolah veterinar yang diluluskan oleh Menteri bagi maksud itu;
- (b) pemunya seekor binatang dan pekerja tetap penuh masa pemunya itu daripada memelihara atau merawat binatang kepunyaan pemunya itu melainkan jika pemunyaan binatang itu telah dipindahmilikkan bagi maksud mengelakkan Akta ini;
- (c) mana-mana orang yang menjalankan penyelidikan saintifik *bona fide* yang semunasabahnya memerlukan pengujikajian yang melibatkan binatang daripada melakukan perbuatan yang selainnya dilarang atau disekat oleh Akta ini atau oleh mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (d) seseorang pekerja kerajaan daripada menjalankan kewajipan jawatannya;
- (e) seseorang daripada memberi nasihat mengenai perbuatan atau daripada melakukan perbuatan yang telah ditetapkan oleh Majlis sebagai amalan pengurusan ternakan yang diterima;
- (f) sesiapa jua yang diluluskan oleh Majlis daripada menjalankan pemanian beradas.

**Penalti am**

**38.** (1) Sesiapa yang melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini boleh, apabila disabitkan—

- (a) bagi kesalahan kali pertama, didenda tidak melebihi satu ribu ringgit; dan
- (b) bagi kesalahan kali kedua atau kali kemudian, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

(2) Berkenaan dengan sesuatu kesalahan yang berterusan orang itu boleh dikenakan penalti selanjutnya sebanyak lima puluh ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan sebagai tambahan kepada penalti masing-masing di bawah perenggan (1)(a) dan (b).

**BAHAGIAN VI****PERATURAN-PERATURAN****Peraturan-peraturan**

**39.** (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Majlis boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan apa-apa jua yang dikehendaki ditetapkan di bawah Akta ini, dan pada amnya, bagi melaksanakan tujuan dan maksud Akta ini.

(2) Khususnya dan tanpa menyentuh keluasan kuasa yang disebut terdahulu, peraturan-peraturan itu boleh menetapkan—

- (a) kewajipan Pendaftar;
- (b) bentuk Daftar, cara bagaimana ia disenggarakan dan juga kandungannya;
- (c) bayaran yang hendaklah dibayar mengenai permohonan dan prosiding di bawah Akta ini dan mengenai perakuan dan dokumen lain yang dikeluarkan di bawah Akta ini dan mengadakan peruntukan bagi apa-apa pengecualian sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis;
- (d) borang dan cara bagaimana permohonan untuk pendaftaran dan untuk perakuan pengamalan tahunan hendaklah dibuat;

- (e) bentuk bagi sesuatu perakuan atau sesuatu dokumen lain yang dikehendaki bagi melaksanakan maksud Akta ini;
- (f) cara membuktikan kelulusan dalam perubatan veterinar;
- (g) pengurusan harta Majlis dan pengauditan akaunnya;
- (h) pelantikan Setiausaha dan kewajipan yang hendaklah dijalankan olehnya;
- (i) pengeluaran perakuan veterinar mengenai sakit atau sihat;
- (j) cara bagaimana Majlis mendapatkan nasihat undang-undang, hal mengadakan penasihat undang-undang bagi Majlis, kelulusan dan fungsi penasihat undang-undang itu dan saraan yang hendaklah dibayar kepada mereka;
- (k) penerimaan aduan atau maklumat mengenai sesuatu perkara tatatertib yang boleh disiasat oleh Majlis dan penubuhan suatu Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan untuk menjalankan suatu penyiasatan permulaan berkenaan dengan aduan atau maklumat mengenai suatu perkara tatatertib yang boleh disiasat oleh Majlis dan untuk memutuskan sama ada atau tidak suatu siasatan patut diadakan oleh Majlis;
- (l) larangan terhadap seseorang ahli Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan itu, yang juga menjadi seorang ahli Majlis daripada menghadiri sesuatu mesyuarat Majlis pada masa Majlis menjalankan penyiasatan berkenaan dengan sesuatu aduan atau maklumat, yang dalamnya dia telah mengambil bahagian dalam penyiasatan permulaannya; dan
- (m) tatacara yang hendaklah diikuti berhubung dengan—
  - (i) pengemukaan aduan dan maklumat kepada Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan;
  - (ii) penyiasatan permulaan mengenai apa-apa aduan atau maklumat oleh Jawatankuasa Penyiasatan Permulaan;
  - (iii) pembentukan pertuduhan yang berbangkit daripada aduan dan maklumat;

- (iv) perujukan kepada Majlis oleh Jawatankuasa Penyiataan Permulaan kes yang berbangkit daripada aduan dan maklumat;
- (v) siasatan tatatertib yang diadakan oleh Majlis.

### **Pemansuhan**

**40.** (1) Seksyen 29 dalam Ordinan Binatang 1953 [*Ord. 17 tahun 1953*] dengan ini dimansuhkan dan segala lesen yang dikeluarkan di bawahnya hendaklah selepas satu bulan dari permulaan kuat kuasa Akta ini disifatkan ditarik balik dan lesen itu tidak sah.

(2) Orang yang berkenaan itu boleh memohon untuk didaftarkan di bawah Akta ini jika dia berkelulusan untuk berbuat demikian di bawah Akta ini.

## **BAHAGIAN VII**

### **PERUNTUKAN TAMBAHAN BAGI MAKSUD NEGARA**

#### **Maksud dan tempoh Bahagian ini berkuat kuasa**

**41.** (1) Diisytiharkan bahawa Bahagian ini diperbuat bagi maksud negara.

(2) Bahagian ini hendaklah terus berkuat kuasa selama tempoh lima tahun dari tarikh Bahagian ini mula berkuat kuasa.

#### **Notis kepada orang berdaftar supaya berkhidmat sebagai pegawai veterinar dalam perkhidmatan awam**

**42.** (1) Tiap-tiap orang yang memperoleh pendaftaran di bawah seksyen 12 boleh, sebaik sahaja dia didaftarkan sedemikian atau pada bila-bila masa kemudiannya, disampaikan kepadanya suatu notis bertulis yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak Ketua Pengarah yang menghendaki orang itu supaya memegang jawatan yang sesuai dengan kelulusannya dalam perkhidmatan awam dan pada apa-apa tarikh, dalam setiap hal ini, sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Seseorang yang disampaikan kepadanya suatu notis di bawah subseksyen (1) hendaklah mematuhi notis itu dan jika dia tidak berbuat demikian dia melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.



(3) Sebaik sahaja suatu pertuduhan di bawah subseksyen (2) atau seksyen 43 dibuktikan dalam mahkamah terhadap seseorang, pendaftaran orang itu di bawah seksyen 12 hendaklah disifatkan terbatal, dan Pendaftar hendaklah memotong nama orang itu daripada Daftar.

(4) Jika nama seseorang dipotong daripada Daftar di bawah subseksyen (3), nama orang itu tidak boleh dimasukkan semula ke dalam Daftar kecuali atas arahan yang diberikan oleh Menteri, dan Menteri boleh memberikan arahan itu apabila permohonan bertulis dibuat kepadanya oleh orang yang namanya telah dipotong daripada Daftar itu, dan sesuatu arahan yang diberikan sedemikian boleh dibuat tertakluk kepada penunaian apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut dikenakan oleh Menteri, dan terma-terma dan syarat-syarat itu boleh termasuk terma-terma dan syarat-syarat yang menghendaki orang itu berkhidmat sebagai pegawai veterinar dengan memuaskan hati Ketua Pengarah bagi suatu tempoh terus-menerus yang berjumlah tidak kurang daripada dua tahun dalam satu atau beberapa jawatan dalam mana-mana satu perkhidmatan awam atau lebih sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah menurut budi bicaranya; semasa orang itu menunaikan terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah subseksyen ini dia hendaklah disifatkan didaftarkan setakat yang perlu untuk menunaikan terma dan syarat yang dikenakan di bawah subseksyen ini dan bagi apa-apa maksud lain sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, tetapi tidak bagi apa-apa maksud lain; dan apabila terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan di bawah subseksyen ini telah ditunaikan dia berhak mendapat suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah sebagai keterangan mengenainya.

(5) Keputusan Menteri atas sesuatu permohonan yang dibuat kepadanya di bawah subseksyen (4) supaya dimasukkan semula sesuatu nama ke dalam Daftar adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan atau dikaji semula dalam mana-mana mahkamah jua pun.

(6) Jika sesuatu notis di bawah subseksyen (1) telah disampaikan kepada seseorang yang kena disampaikan kepadanya notis itu Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa membatalkan notis itu dan, jika difikirkannya patut, menyebabkan supaya suatu notis selanjutnya di bawah subseksyen (1) disampaikan kepadanya.

#### **Tempoh perkhidmatan menurut notis di bawah subseksyen 42(1)**

**43.** Seseorang yang mula berkhidmat dalam sesuatu jawatan dalam sesuatu perkhidmatan awam menurut notis yang dikeluarkan di

bawah subseksyen 42(1) hendaklah terus berkhidmat dalam jawatan tersebut itu atau kemudiannya dalam satu atau beberapa jawatan lain sama ada dalam perkhidmatan awam itu juga atau dalam perkhidmatan awam yang lain sebagaimana yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah menurut budi bicaranya bagi suatu tempoh terus-menerus yang berjumlah tidak kurang daripada dua tahun dengan memuaskan hati Ketua Pengarah; dan seseorang yang tidak mencukupkan tempoh itu tanpa apa-apa sebab yang berpatutan melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

**Kuasa Menteri untuk memberikan pengurangan, pengecualian atau penangguhan tempoh perkhidmatan di bawah seksyen 43**

**44.** (1) Menteri boleh, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*—

- (a) berkenaan dengan seseorang tertentu;
- (b) secara am berkenaan dengan mana-mana golongan orang dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan olehnya;
- (c) secara am berkenaan dengan semua orang dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan olehnya,

memberikan apa-apa pengurangan yang difikirkannya patut atau pengecualian penuh daripada tempoh perkhidmatan yang dikehendaki di bawah seksyen 43.

(2) Menteri boleh, apabila permohonan bertulis dibuat kepadanya oleh seseorang yang kena menjalani tempoh perkhidmatan yang dikehendaki di bawah seksyen 43, memberi orang itu penangguhan daripada memulakan perkhidmatan itu selama tempoh yang difikirkannya sesuai jika dia berpuas hati bahawa adil dan munasabah baginya untuk berbuat demikian.

(3) Keputusan Menteri atas sesuatu permohonan yang dibuat kepadanya di bawah subseksyen (2) adalah muktamad dan tidak boleh dipersoalkan atau dikaji semula dalam mana-mana mahkamah jua pun.

**Menteri boleh membuat kaedah-kaedah**

**45.** Menteri boleh membuat kaedah-kaedah bagi melaksanakan tujuan dan maksud Bahagian ini.

---

JADUAL PERTAMA  
[Seksyen 7]

PERUNTUKAN TAMBAHAN MENGENAI MAJLIS

**Yang Dipertua Majlis**

1. (1) Ketua Pengarah hendaklah menjadi Yang Dipertua Majlis.

(2) Yang Dipertua, jika hadir, hendaklah menjadi Pengerusi dalam mesyuarat Majlis:

Dengan syarat bahawa jika Yang Dipertua tidak hadir dalam sesuatu mesyuarat Majlis, ahli yang hadir dalam mesyuarat itu hendaklah memilih seorang dari kalangan mereka untuk bertindak sebagai pengerusi mesyuarat itu.

**Mesyuarat Majlis**

2. (1) Majlis hendaklah bermesyuarat pada masa dan di tempat yang ditetapkan oleh Yang Dipertua, dengan syarat bahawa sekurang-kurangnya dua mesyuarat hendaklah diadakan dalam setahun.

(2) Jika tidak kurang daripada lima orang ahli menyampaikan suatu permintaan bertulis kepada Yang Dipertua supaya memanggil mesyuarat Majlis maka Yang Dipertua hendaklah memanggil mesyuarat itu dalam masa satu bulan selepas permintaan itu diterima.

(3) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat Majlis ialah enam, dan keputusan Majlis hendaklah mengikut kelebihan suara ahli yang hadir dan mengundi.

(4) Dalam sesuatu mesyuarat Pengerusi berhak memberikan satu undi asal dan juga, jika bilangan undi atas sesuatu soal sama banyak, suatu undi pemutus.

(5) Apabila sesuatu kekosongan berlaku di kalangan ahli, Majlis hendaklah dengan secepat yang dapat dilaksanakan, mengambil tindakan yang perlu bagi mengisi kekosongan itu.

(6) Hendaklah dibayar kepada ahli Majlis yang bukan pegawai awam apa-apa bayaran kerana menghadiri mesyuarat Majlis atau mesyuarat sesuatu jawatankuasa yang dilantik oleh Majlis dan apa-apa perbelanjaan perjalanan dan elaun sara hidup yang munasabah kerana menghadiri mesyuarat itu dan kerana perjalanan yang dilakukan pada menjalankan kewajipan mereka di bawah Akta ini sebagaimana yang diluluskan dari semasa ke semasa oleh Menteri.

(7) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini, Majlis boleh secara am membuat perintah tetap yang mengaturkan tatacaranya sendiri, dan, khususnya berhubung dengan mengadakan mesyuarat, notis yang hendaklah diberikan mengenai mesyuarat itu, prosiding dalam mesyuarat, penyimpanan minit dan penjagaan, pengemukaan dan pemeriksaan minit itu.

**Jawatankuasa Majlis**

3. (1) Majlis boleh dari semasa ke semasa menubuhkan dari kalangan ahlinya satu atau beberapa jawatankuasa yang difikirkan patut oleh Majlis dan Majlis boleh mewakilkan kepada jawatankuasa itu mana-mana daripada fungsi Majlis sebagaimana yang difikirkan patut oleh Majlis.

(2) Kuorum bagi sesuatu mesyuarat jawatankuasa ialah tiga, melainkan jika ditentukan selainnya oleh Majlis.

**Setiausaha Majlis**

4. Yang Dipertua boleh melantik seorang pegawai dari Kementerian yang bertanggungjawab terhadap hal veterinar untuk menjadi Setiausaha Majlis.

**Pejabat Majlis**

5. Pejabat Majlis ialah di Ibu Kota Persekutuan di Kuala Lumpur iaitu di suatu tempat yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

---

JADUAL KEDUA  
[Seksyen 11]

## BAHAGIAN I

Negara tempat kelulusan diberikan	Institusi yang memberikan kelulusan	Perihal kelulusan
Australia	University of Melbourne	Bachelor of Veterinary Science
	University of Queensland	Bachelor of Veterinary Science
	University of Sydney	Bachelor of Veterinary Science
Canada	Ontario Veterinary College, University of Guelph	Doctor of Veterinary Medicine
	Western College of Veterinary Medicine, University of Saskatchewan	Doctor of Veterinary Medicine
Indonesia	Fakultas Kedokteran Hewan dan Peternakan, Bogor, Universitas Indonesia	Doktor Hewan

Negara tempat kelulusan diberikan	Institusi yang memberikan kelulusan	Perihal kelulusan
	Institut Pertanian, Bogor	Doktor Haiwan
	Universiti Gadjah Mada, Jogjakarta	Doktor Haiwan
New Zealand	Massey University	Bachelor of Veterinary Science
United Kingdom	Royal College of Veterinary Surgeons	Membership
	University of Bristol	Bachelor of Veterinary Science
	University of Cambridge	Bachelor of Veterinary Medicine
	University of Edinburgh	Bachelor of Veterinary Medicine and Surgery
	University of Glasgow	Bachelor of Veterinary Medicine and Surgery
	University of Liverpool	Bachelor of Veterinary Science
	University of London	Bachelor of Veterinary Medicine
Malaysia	Universiti Putra Malaysia	Doctor of Veterinary Medicine

## BAHAGIAN II

Negara tempat kelulusan diberikan	Institusi yang memberikan kelulusan	Perihal kelulusan
Bangladesh	Bangladesh Agricultural University	Doctor of Veterinary Medicine
Ceylon	University of Ceylon (Sri Lanka)	Bachelor of Veterinary Science
India	Bengal Veterinary College	Graduate of Veterinary Science
	University of Calcutta	Bachelor of Veterinary Science

Negara tempat  
kelulusan diberikan

Institusi yang memberikan  
kelulusan

Perihal kelulusan

Bidhan Chandra Krishi Viswa Vidyalaya (Bengal Veterinary College)	Bachelor of Veterinary Science and Animal Husbandry
Bihar Veterinary College, Magadh University	Bachelor of Veterinary Science and Animal Husbandry
Rajendra Agricultural University, Bihar (Bihar Veterinary College)	Bachelor of Veterinary Science and Animal Husbandry
Bombay Veterinary College	Graduate of the Bombay Veterinary College
Bombay Veterinary College (Mahatma Phule Krishi Vidyapeeth Agricultural University)	Bachelor of Veterinary Science and Animal Husbandry
Bombay Veterinary College (Konkan Krishi Vidyapeeth, Dapoli)	Bachelor of Veterinary Science and Animal Husbandry
University of Bombay	Bachelor of Veterinary Science
Orissa College of Veterinary Science and Animal Husbandry, Utkal University	Bachelor of Veterinary Science and Animal Husbandry
Utkal University, Orissa State	Bachelor of Veterinary Science
University of Agra	Bachelor of Veterinary Science
Andhra Pradesh Agricultural University, Hyderabad	Bachelor of Veterinary Science
University of Mysore	Bachelor of Veterinary Science
University of Agricultural Sciences, Mysore	Bachelor of Veterinary Science
Kerala Veterinary College and Research Institute	Bachelor of Veterinary Science

Negara tempat kelulusan diberikan	Institusi yang memberikan kelulusan	Perihal kelulusan
	Kerala Agricultural University, Mannuthy	Bachelor of Veterinary Science
	Uttar Pradesh Agricultural University, Pantnagar	Bachelor of Veterinary Science
	Govind Ballabh Pant University of Agriculture and Technology Pantnagar	Bachelor of Veterinary Science and Animal Husbandry
	University of Udaipur, Rajasthan	Bachelor of Veterinary Science
	Madras Veterinary College	Graduate of the Madras Veterinary College
	University of Madras	Bachelor of Veterinary Science
	Tamil Nadu Agricultural University (Madras Veterinary College)	Bachelor of Veterinary Science
	University of Agricultural Science, Bangalore	Bachelor of Veterinary Science
	Jawaharlal Nehru Krishi Vishwa Vidyalaya Jabalpur	Bachelor of Veterinary Science and Animal Husbandry
	Assam Agricultural University	Bachelor of Veterinary Science and Animal Husbandry
Pakistan	Eastern Pakistan Veterinary College, University of Decca	Licentiate in Veterinary Science
	Eastern Pakistan Veterinary College, University of Decca	Diploma of Veterinary Medicine and Surgery
	East Pakistan Agricultural University, Mymensingh	Licentiate in Veterinary Science (L.V.S.)
	East Pakistan Agricultural University, Mymensingh	Bachelor of Science (Veterinary Science and Animal Husbandry)

Negara tempat  
kelulusan diberikan

Institusi yang memberikan  
kelulusan

Perihal kelulusan

East Pakistan Agricultural University, Mymensingh	Diploma of Veterinary Medicine and Surgery
East Pakistan College of Veterinary Science and Animal Husbandry	Doctor of Veterinary Medicine
Punjab Veterinary College	Licensed Veterinary Practitioner, Punjab
College of Animal Husbandry, Lahore, University of the Punjab	Bachelor of Veterinary Science and Bachelor of Science (Animal Husbandry)
College of Animal Husbandry, Lahore, University of Agriculture, Lyallpur	Doctor of Veterinary Medicine
University of Agriculture, Lyallpur	Doctor of Veterinary Medicine
West Pakistan Agricultural University, Lyallpur	Doctor of Veterinary Medicine

---



**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 147****AKTA DOKTOR VETERINAR 1974**

## SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda	Tajuk ringkas	Berkuat kuasa dari
Akta 160	Akta Mata Wang Malaysia (Ringgit) 1975	29-08-1975
P.U. (A) 284/1976	Perintah Doktor Veterinar (Pindaan Jadual Kedua) 1976	01-07-1975
P.U. (A) 229/1978	Perintah Doktor Veterinar (Pindaan Jadual Kedua) 1978	02-05-1978
P.U. (A) 199/1980	Perintah Doktor Veterinar (Pindaan Jadual Kedua) 1980	02-05-1980

---

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta 147****AKTA DOKTOR VETERINAR 1974****SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA**

Seksyen	Kuasa meminda	Berkuat kuasa dari
Jadual Kedua	P.U. (A) 284/1976	01-07-1975
	P.U. (A) 229/1978	02-05-1978
	P.U. (A) 199/1980	01-05-1980

---